

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN TENIS BERKERUSI RODA MALAYSIA
Lokasi : HOTEL PAN PACIFIC, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-01-1996

1. Syukur kita ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala, di malam bulan Ramadhan yang mulia ini kerana dapat kita bersama-sama beramal demi kepentingan segolongan masyarakat kita yang kurang upaya dan terpaksa berkerusi roda.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tenis Berkerusi Roda Malaysia, Persatuan Tenis Malaysia, kerana menjemput saya pada hari ini dan menjadi penaung mereka. Tekad golongan kurang upaya di negara kita untuk maju ke hadapan dan semangat tidak rela ditinggal oleh arus kemajuan masakini harus dipuji. Saya difahamkan bahawa kumpulan ini berazam untuk memajukan permainan tenis berkerusi roda ke seluruh negara. Ianya merupakan salah satu cara untuk orang kurang upaya yang terpaksa berkerusi roda menikmati hidup yang lebih selesa. Dengan secara tidak langsung permainan tenis berkerusi roda ini diharap menjadi motivasi asas bagi kesediaan untuk berdikari. Sifat berdikari orang kurang upaya dalam aspek fizikal, emosi, sosial dan ekonomi sememangnya sentiasa digalakkan. Semoga dengan penglibatan mereka secara aktif ini mereka akan menjadi rakyat yang lebih produktif.

3. Saya mengucapkan syabas kepada Persatuan Tenis Malaysia yang membuka jalan kepada kumpulan pemain tenis berkerusi roda untuk berintegrasi dengan masyarakat tenis umum. Saya difahamkan bahawa dengan menjadi sebahagian dari Persatuan Tenis Malaysia, Tenis Berkerusi Roda Malaysia terus dapat menggunakan segala kemudahan persatuan yang sedia ada. Gelanggang tenis di Pusat Tenis, Jalan Duta, umpamanya sememangnya sudah menjadi kemudahan untuk orang kurang upaya. Aktiviti-aktiviti baru yang dirancangkan oleh cawangan ini boleh disalurkan melalui cabang-cabang persatuan yang sedia ada. Segala kemudahan yang sedia ada juga ditawarkan untuk kegunaan Tenis Berkerusi Roda Malaysia ini. Langkah ini harus dicontohi oleh badan-badan sukan yang lain. Oleh yang demikian, secara langsung, masyarakat kurang upaya di beri peluang untuk berintegrasi terus dengan masyarakat umum.

4. Sempena pelancaran Seksyen Tenis Berkerusi Roda ini, satu klinik kejurulatihan tenis berkerusi roda akan diadakan di Pusat Tenis Jalan Duta dan akan dikelolakan oleh Miss Ellen de Lange dari International Wheelchair Tennis Federation, London.

5. Miss de Lange, thank you very much for supporting the group and for your active participation and contribution towards the development of the Wheelchair Tennis game in Malaysia. I have been made to understand that the group is very keen to make its way into the International Wheelchair Tennis scene in the near future. I am certain that with your guidance and support and the possible affiliation of our group to the International Wheelchair Tennis Federation, we will soon be tasting gold - just like what has been achieved by a number of other disabled sportspersons in this country. The first wheelchair tennis coaching clinic was held here in July last year, through your kind assistance. Thank you very much.

6. Bagi maklumat para hadirin sekalian, Wheelchair Tennis Coaching Clinic yang pertama itu diadakan sempena pelancaran permainan tenis berkerusi roda oleh Y.A.Bhg. Toh Puan Hajah Dr. Aishah Ong, Pengerusi Lembaga Pengurus Hospital Universiti. Acara itu merupakan salah satu daripada aktiviti Projek Kerusi Roda Pusat Perubatan Universiti Malaya bersama Motivation Charitable Trust of London.

Permainan tenis berkerusi roda ini telah diperkenalkan melalui projek tersebut, dengan kerjasama Persatuan Kecederaan Spina Malaysia (Malaysian Spinal Injuries Association) dan Persatuan Pemulihan Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan.

7. Sebagai penaung Tenis Berkerusi Roda Malaysia ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Tenis Malaysia, Telekom Malaysia Berhad yang menaja klinik kejurulatihan tenis berkerusi roda, pakaian dan alat kelengkapan tenis; Universiti Malaya yang telah menawarkan gelanggang untuk latihan; Pusat Perubatan Universiti Malaya; Pusat Pemulihan Orang Cacat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Mr Theo Borsboom; yang telah menyumbang satu unit kerusi roda sukan (Sports

wheelchair). Telekom Malaysia Berhad, melalui anak syarikatnya, Telekom Publications juga merupakan salah satu penyokong kuat Majlis Pelancaran permainan ini pada bulan Julai 1995. Segala sumbangan kepada Seksyen Tenis Berkerusi Roda ini amat dihargai dan disanjung.

8. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasminya melancarkan Seksyen Tenis Berkerusi Roda, Persatuan Tenis Malaysia.